



**TATACARA PERMOHONAN
PROJEK ICT BAGI PEMBANGUNAN
SISTEM APLIKASI BAHARU / PELUASAN /
PENINGKATAN**

**JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK
(JKNS)**

TUJUAN

Dokumen ini adalah bagi menyelaraskan dan menambahbaik prosedur tatacara untuk memohon projek ICT bagi pembangunan sistem aplikasi baharu, peluasan dan peningkatan untuk semua pusat tanggungjawab (PTJ) di Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak.

LATAR BELAKANG

- 2.0 Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) ialah satu jawatankuasa yang ditubuhkan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selaras dengan Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 20016 (PA 2/2006) bertajuk Pengukuhan Tadbir Urus Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK). JPICT Kementerian berperanan merancang dan menyelaraskan pelaksanaan program/projek-projek ICT di peringkat kementerian.
- 3.0 Selaras dengan JPICT KKM, satu jawatankuasa ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Kerja Pemandu ICT (JK Pemandu ICT) di peringkat JKNS bagi tujuan tadbir urus kelulusan teknikal dan pemantauan projek ICT.

SKOP JK PEMANDU ICT JKNS

- 4.0 Menyelaraskan dan memantau semua permohonan pembangunan sistem baharu / peluasan / peningkatan bagi mengelakkan pertindihan dan persamaan sistem yang serupa fungsi.
- 5.0 Memastikan semua permohonan menggunakan templat kertas kerja yang disediakan sebelum dimaju ke Ketua Program dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Induk atau/dan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) peringkat KKM mengikut keperluan teknikal dan peruntukan.
- 6.0 Memastikan semua cadangan permohonan sistem selari dengan hala tuju pelan strategik KKM dan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) KKM.
- 7.0 Memastikan Surat Pekeliling Am Kementerian Kesihatan Bilangan 1 Tahun 2016: Tatacara Pelaksanaan Projek ICT Di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai garis panduan rujukan dan dipatuhi.
- 8.0 Mempromosi dan menggalakkan perkongsian pintar projek ICT sistem aplikasi (*in-house*) antara agensi-agensi PTJ di bawah JKN Sarawak.
- 9.0 Mesyuarat JPICT JKNS akan bersidang sekurang-kurangnya 4 kali setahun.


PEMAKAIAN


- 10.0 Tatacara pematuhan ini terpakai untuk semua pusat tanggungjawab (PTJ) bagi projek ICT pembangunan sistem baharu, peluasan dan peningkatan di bawah Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak dengan merujuk kepada carta alir permohonan kelulusan teknikal projek ICT di **Lampiran A**.


PEMATUHAN PROSEDUR PEMBANGUNAN, PELUASAN DAN PENINGKATAN PROJEK ICT SISTEM APLIKASI


- 11.0 Semua cadangan pembangunan, peluasan dan peningkatan sistem aplikasi harus melengkapkan Borang Cadangan Pembangunan Projek Sistem ICT JKNS bagi mendapat **SOKONGAN** Ketua Program JKNS dan **KELULUSAN** JPICT JKNS. Projek ICT yang lulus dalam JPICT JKNS akan disyorkan perakuan teknikal kepada JTI/JPICT KKM bagi permohonan kelulusan pembangunan dan pelaksanaan projek.
- 12.0 Pemohon PTJ yang ingin membangunkan atau memperolehi aplikasi baharu hendaklah terlebih dahulu merujuk kepada senarai sistem aplikasi yang disediakan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) KKM melalui portal promosi *inhouse* aplikasi KKM (<http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/1879>) dan sistem-sistem aplikasi di KKM (<http://10.22.120.126/Sinhouse/main.php>) bagi mengelakkan berlaku pertindihan pembangunan sistem yang sama daripada berlakunya *reinventing the wheel*.
- 13.0 Pemohon PTJ yang tidak bercadang mengguna pakai aplikasi sedia ada yang telah dibangunkan oleh agensi lain merujuk perkara 11.0, perlu mengemukakan justifikasi permohonan dalam JPICT JKNS.
- 14.0 Bagi pemohon PTJ yang ingin membangunkan sistem aplikasi bagi tujuan pertandingan inovasi dan memerlukan ruangan boleh ditempatkan pelayan dan pangkalan data di bawah seliaan Seksyen Teknologi Maklumat & Komunikasi, JKNS.
- 15.0 Pemohon PTJ perlu menyediakan penghantaran kertas kerja serta slide persembahan mengikut templat format yang disediakan dan ia boleh dimuat turun di portal rasmi JKNS.

CARTA ALIR PERMOHONAN









PENUTUP

- 16.0 Semua PTJ hendaklah mematuhi Tatacara Permohonan Projek ICT Bagi Pembangunan Sistem Aplikasi Baharu, Peluasan dan Peningkatan ini dalam memohon kelulusan teknikal pembangunan dan pelaksanaan projek ICT.

RUJUKAN

- 17.0 Surat Pekeliling Am Kementerian Kesihatan Bilangan 1 Tahun 2016: Tatacara Pelaksanaan Projek ICT Di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
- 18.0 Surat Pekeliling Am Kementerian Kesihatan Malaysia: Dasar Keselamatan ICT Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Versi 4.0
- 19.0 Laman Portal Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak:
<http://jknsarawak.moh.gov.my>

